

# 'Elak insiden berulang'

Tengku Abdullah gesa bangunan lama diperiksa, elak kejadian seperti Kompleks Teruntum

ROSILAWATI ROSEDI

KUANTAN - Semua pihak diarah memeriksa bangunan lama terutamanya bangunan kerajaan yang terdapat di negeri ini bagi mengelakkan insiden tidak diingini.

Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah berkata, ini salah satu cara bagi mengelakkan insiden tangki air pecah di Kompleks Teruntum kelmarin tidak berulang.

Titah baginda, penyelenggaraan secara berjadual perlu dilakukan dan baginda menyifatkan insiden di Kompleks Teruntum kelmarin adalah tragedi disebabkan tiada penyelenggaraan sempurna.

"Apa yang berlaku kelmarin adalah perkara tidak diingini, mujur juga hanya tangki yang pecah. Saya difahamkan waranti tangki diperbuat daripada fiber itu hanya untuk tempoh 10 tahun tetapi digunakan lebih 13 tahun sebelum pecah kelmarin."

"Kita tidak mahu perkara lebih buruk berlaku. Kena periksa semua (struktur) bangunan lama seperti bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) dan pejabat menteri besar (Wisma Persekutuan)," katanya kepada media di sini semalam.

Baginda bertitah sedemikian selepas mendengar taklimat daripada pihak pengurusan dan meninjau lokasi kejadian tersebut.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Muhammad Saffian Ismail dan Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Pahang, Datuk Abdul Wahab Mat Yassin.

Baginda menegaskan aspek keselamatan perlu dikaji secara keseluruhan dan lebih perbelanjaan bagi tujuan tersebut.

Tengku Abdullah turut meminta pihak pengurusan bangunan mempertimbangkan pampasan berpatutan kepada semua peniaga yang menyewa premis di kompleks berkenaan.

"Saya tidak pasti berapa jumlah penyewa premis di sini. Kalau boleh, pihak pengurusan bangunan iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang (PKNP) pertimbangkan pampasan untuk mereka."

"Selain itu, saya harap perkara (kejadian) ini boleh dijadikan pengajaran. Saya minta semua pihak jadikan penyelenggaraan bangunan sebagai budaya agar ia tidak mendatangkan masalah,"



Tengku Abdullah bertanyakan sesuatu ketika melihat situasi di luar kompleks itu.



Laporan Sinar Harian, semalam.

katanya.

Dalam kejadian kelmarin, tangki yang memuatkan 6,500 galean air pecah kira-kira jam 1 petang menyebabkan empat orang awam cedera selain kerosakan 10 buah motosikal dan tiga buah kereta akibat terkena runtuhan tembok konkrit serta limpahan air dari tingkat empat bangunan tersebut.

## Kembali beroperasi

Dalam pada itu, Kompleks Teruntum boleh memulakan kembali operasinya semalam selepas ditutup kelmarin, namun dengan syarat-syarat yang ditetapkan.

Pengurus Badan Pengurusan Bersama Kompleks, Mohd Zaid Harun berkata, pengguna hanya boleh memasuki kompleks terabit menggunakan pintu hadapan utama.

Menurutnya, ia berdasarkan syarat yang ditetapkan oleh JBPM negeri yang mengarahkan pintu belakang kompleks itu ditutup buat sementara waktu.

"Semua peniaga dan operasi pejabat boleh beroperasi semula esok (hari ini) tetapi untuk peniaga berhampiran tempat kejadian kita galakkan supaya tak beroperasi lagi," katanya di sini, semalam.

Menurutnya, notis pemberitahuan akan dimaklumkan kepada wakil-wakil yang terlibat.

Ditanya tindakan seterusnya, beliau berkata, pihaknya melantik kontraktor untuk membersihkan sisa konkrit dan menggantikan tangki air yang pecah.

Kompleks yang mula beroperasi pada 1980 itu menempatkan 60 lot perniagaan selain pejabat seperti PKNP dan Pasdec.

Sementara itu, bagi seorang pekerja swasta, Anaz Azraie, 35, dia mengharapkan satu tindakan drastik dapat diambil untuk memastikan insiden sama tidak berulang.

Menurutnya, kompleks tersebut adalah nostalgia khususnya untuk warga Kuantan dan menjadi mercu tanda bandar itu.

"Saya berharap selepas ini

penyelenggaraan dan fasiliti yang ada ditukar kerana sewajarnya ia perlukan pembaharuan," katanya yang mengenali kompleks itu sejak awal 90-an.

Seorang eksekutif, Shahzlin Zakaria, 35, turut mencadangkan wajah baharu kompleks berkenaan agar lebih menarik.

## PKNP perlu selenggara segera

Sementara itu, Jabatan Kerja Raya Negeri menyarankan agar kerja-kerja penyelenggaraan Kompleks Teruntum yang terjejas ekoran insiden tangki air pecah di tingkat empat kelmarin dilakukan dengan segera.

Pengaruhnya, Datuk Ir Abdul Jalil Mohamed berkata, ia bertujuan mengelakkan sebarang kejadian runtuhan lain berlaku yang boleh membahayakan peniaga di bahagian bawah tangki berkenaan dan juga orang awam.



Suasana di lokasi kejadian di atas tingkat empat kompleks berkenaan.

"PKNP perlu ambil langkah segera dengan melantik kontraktor atau konsultan pembinaan bagi membaiki tangki terabit dan merobohkan keseluruhan dinding yang telah pecah."

"Tempoh baik pulih dan keluasan dinding yang perlu dipecahkan akan bergantung kepada hasil siasatan lanjut yang masih dijalankan oleh pihak PKNP," katanya ketika ditemui di sini, semalam.

Sementara itu, Abdul Jalil turut menambah, pihaknya sentiasa melakukan pemeriksaan Building Condition Assessment (BCA) pada semua bangunan-bangunan kerajaan sebagai langkah menjamin keselamatan infrastruktur berkenaan terutama bangunan lama.

"Semua bangunan dibina untuk ketahanan dalam jangka masa 50 tahun dan Kompleks Teruntum sudah menjangkau usia 30 tahun."

"Insiden ini melibatkan keadaan tangki yang sudah uzur dan tempoh tidak diselenggara melebihi 10 tahun. Dengan kapasiti yang besar dan tekanan tinggi merupakan faktor tangki berkenaan pecah," jelasnya lagi.



Kompleks Teruntum kembali beroperasi semalam selepas ditutup selama dua hari.